

Anwar terharu karya diterjemah ke bahasa Itali

BERITA HARIAN 4 JUL 2025

m/s: 3

Daripada
Halim Mohamed
bhnews@bh.com.my
di Rom, Itali



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menzahirkan rasa terharu dengan usaha penterjemah Andrea Fais dan penerbit Stefano Bonilauri yang memilih untuk menterjemah karya *The Asian Renaissance* ke dalam bahasa Itali.

“Karya ini, yang diterbitkan lebih dua dekad lalu, menggariskan gagasan besar mengenai kebangkitan semula tamadun Asia melalui nilai-nilai ilmu, budaya, keterbukaan dan keadilan, sebagai tindak balas terhadap ketidakseimbangan global dan dominasi wacana Barat.

“Saya amat menghargai dedikasi sarjana Itali dalam menterjemahkan karya ini, yang membolehkan idea-idea besar mengenai demokrasi dan pembangunan berteraskan nilai dapat dikongsi dan difahami lebih meluas oleh khalayak antarabangsa,” kata Perdana Menteri.

Anwar berkata, usaha itu bukan sekadar kerja penterjemahan, tetapi adalah jambatan pemikiran dan idea merapatkan jurang kefahaman timur dan barat, terutama dalam landskap dunia yang berpecah belah.

“Semoga karya ini terus menjadi sumber inspirasi dalam usaha kita memperjuangkan kebangkitan semula nilai-nilai kemanusiaan, ilmu dan keadilan sejagat,” katanya.

Buku terbitan 1996 ini adalah hasil nukilan Anwar ketika masih memegang jawatan sebagai

Timbalan Perdana Menteri.

Buku ini amat sesuai dibaca oleh pembaca yang berminat mengenai falsafah serta perhubungan antarabangsa.

Menurut seorang pengulas buku, *The Asian Renaissance* dihasilkan ketika zaman pertembungan antara kebangkitan ekonomi Asia dan Eropah.

Renaissance merujuk kepada zaman kebangkitan ekonomi di Eropah manakala tajuk buku ini sebenarnya merujuk kepada prospek masa depan Asia dalam era millennium.

Buku ini menceritakan bagaimana tamadun Asia mampu mengambil sedikit pengajaran serta persamaan ketika zaman kebangkitan ekonomi di Eropah.

Namun, tamadun Asia ini agak istimewa kerana mempunyai satu faktor lain dari tamadun Eropah iaitu agama.

Pengarang juga menekankan bagaimana kita sering dimomokkan dengan kejayaan tamadun Eropah walaupun sebenarnya tamadun Asia juga mempunyai ahli falsafah yang hebat.

Buku ini menekankan bagaimana tamadun Asia dan tamadun Eropah harus saling melengkapi terutama dalam usaha menyelesaikan masalah berkaitan global.

Buku ini juga menceritakan bagaimana berbezanya demokrasi di tamadun Asia berbeza dengan tamadun Eropah.

Tamadun Asia lebih bersifat ke arah keagamaan berbanding tamadun Eropah namun itu yang membuatkan ia istimewa.

Antara yang lebih menarik buku ini menekankan kebebasan media serta kebebasan bersuara.

Pengarang menyatakan pihak

media hendaklah memainkan peranan penting dalam menyebarkan idea dan pendapat.

Media harus bertindak bebas agar setiap idea dan pendapat yang diutarakan mampu dinilai dengan sebaiknya oleh pembaca.

Di bandar raya itu juga Anwar mengadakan pertemuan bersama komuniti Islam di Itali. Beliau bertemu Naib Presiden Peratuan Komuniti Islam Itali (COREIS) Imam Yahya Pallavicini dan Setiausaha Agung Pusat Kebudayaan Islam Itali – Masjid Besar Rom Abdellah Redouane.

Anwar berkata, pertemuan itu memberi ruang untuk perbincangan dan bertukar pandangan mengenai usaha memperkukuh pembangunan ummah, termasuk menangani isu Islamofobia secara bijaksana dan berhemah.